

**NO. SOALAN: 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9969**

**SOALAN:**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Dalam Negeri dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan Kementerian Dalam Negeri.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**KDN telah menerima peruntukan perbelanjaan bekalan sebanyak RM525,815,982.13 untuk tahun 2015 hingga Jun 2017. Manakala peruntukan pembangunan sebanyak RM2,581,154,300.00 bagi tempoh yang sama. Pecahan mengikut tahun peruntukan bekalan KDN adalah sebanyak RM195,868,330.57 (2015), RM213,756,639.07 (2016) dan RM116,191,012.49 (2017). Bagi peruntukan pembangunan pula KDN menerima peruntukan sebanyak RM782,503,700.00 (2015), RM840,914,000.00 (2016) dan RM957,736,600.00 (2017).**